

(RDC3) Anti Keganasan Serantau, Kaedah terbaru itu bagi memerangi keganasan yang perlu di ubah setiap masa bagi mengelak keadaan menjadi lebih serius dan teruk.

By Admin

Published on January 27, 2016

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Malaysia akan wujudkan Pusat Digital Serantau (RDC3) bagi memerangi mesej melalui Komunikasi anti keganasan yang akan beroperasi pada bulan Mei ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam ucapannya berkata, Kerajaan Malaysia telah meluluskan peruntukan awal RM200 juta bagi tujuan berkenaan, katanya dalam sidang media selepas menutup Persidangan Antarabangsa Deradikalisasi dan Memerangi Ekstremisme Keganasan 2016 (IDC)

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata sekurang-kurangnya tiga agensi berbeza terlibat secara langsung bagi memerangi ekstremisme dan fahaman radikal.

Kita akan menggunakan templat yang sama yang kini berada di Amerika Syarikat dan juga Emiriyah Arab Bersatu dan itu yang kita akan tubuhkan di Malaysia.

Ahmad Zahid berkata, masyarakat Antarabangsa perlu bersatu dalam merangka strategi dan menggunakan kaedah terbaru. Kaedah terbaru itu bagi memerangi keganasan yang perlu di ubah setiap masa bagi mengelak keadaan menjadi lebih serius dan teruk.

Perubahan ini diubah suai dan dilaksanakan sejak ancaman komunis dan ia diubah suai juga ketika pada waktu Al-Maunah, Jemaah Islamiyah.

Sebelum ini, Penolong Setiausaha Kanan Bahagian, Bahagian Keselamatan dan Kenteteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri, Zamihan Mat Zin Al-Ghari berkata, proses mewujudkan pusat itu memasuki fasa akhir sebelum beroperasi sepenuhnya.

Sementara itu, Ahmad Zahid dalam ucapan penutupnya pada persidangan antarabangsa dua hari itu berkata, jawapan dan objektif menentang keganasan adalah sama. Kita harus dan kita akan hentikan kegiatan mereka penganas dengan serta merta.

Beliau berkata,terdapat keperluan bagi masyarakat global untuk bersama-sama berkongsi kepakaran dan risikan dan juga memupuk kerjasama negara serantau agar lebih rapat dalam menentang segala bentuk radikalisme.

IDC 2016 yang berakhir hari ini menyaksikan penyertaan kalangan menteri terdiri daripada negara ASEAN dan sembilan rakan kongsi strategik Malaysia iaitu Australia,United Kingdom,Perancis,Itali,China,Arab Saudi,Jepun,Emiriyah Arab Bersatu dan Amerika Syarikat.

Blog at WordPress.com.

Source: <http://zahidhamidi.com/2016/01/27/rdc3-anti-keganasan-serantaukaedah-terbaru-itu-bagi-memerangi-keganasan-yang-perlu-di-ubah-setiap-masa-bagi-mengelak-keadaan-menjadi-lebih-serius-dan-teruk/>